

NO. SOALAN: 386

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

RUJUKAN : 9453

SOALAN:

TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah dilakukan terhadap penagih-penagih dadah yang banyak terlibat dalam kes-kes pembunuhan keluarga yang menyaksikan gejala itu semakin berleluasa.

JAWAPAN:

Kementerian memandang serius kes-kes pembunuhan keluarga yang melibatkan penagih-penagih dadah. Oleh itu, sebagai langkah pencegahan, Kementerian melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengadakan program-program pencegahan bagi menyedarkan masyarakat tentang bahaya penagihan dadah sehingga membawa kepada kes pembunuhan. Program-program yang dijalankan meliputi pelbagai golongan sasaran iaitu murid sekolah rendah dan menengah, pelajar universiti/kolej, keluarga dan komuniti.

AADK juga mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima daripada orang awam termasuk aduan tindakan agresif penagih dadah terhadap ahli keluarga. Sebarang aduan akan disiasat oleh Pegawai AADK dan jika penagih dadah tersebut bersedia menjalani rawatan, mereka boleh menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela di Klinik *Cure & Care 1Malaysia* atau *Cure & Care Service Centre (CCSC)*.

Walau bagaimanapun, jika penagih dadah tersebut ingkar untuk menjalani rawatan dan pemulihan, mereka boleh ditahan bagi tujuan rawatan dan pemulihan di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan dirujuk kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah menjalani rawatan dan pemulihan di *Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC)* di bawah Seksyen 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan

dan Pemulihan) 1983. Jika keadaan agresif itu mengakibatkan masalah mental, golongan ini akan dirujuk ke hospital untuk menjalani rawatan kesihatan mental / psikiatri.